

7. BAYARAN PROJEK PEMBANGUNAN RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA KEM SEGAMAT, JOHOR

Kementerian Pertahanan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Projek Pembangunan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) secara Reka dan Bina di Kem Segamat, Johor merupakan salah satu keperluan utama Markas Tentera Darat (MTD) dalam menyediakan fasiliti RKAT yang bersesuaian untuk penempatan anggota dan ahli keluarga anggota Tentera Darat. Projek ini meliputi pembinaan 305 unit RKAT pelbagai kelas dan fasiliti untuk kegunaan komuniti keluarga Tentera Darat.

1.2. Perolehan projek ini telah dilaksanakan secara rundingan terus melalui kelulusan Kementerian Kewangan pada 7 Jun 2017 dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM147.75 juta. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada syarikat 206761-H (Kontraktor) pada 24 April 2018 dan SST tambahan pula telah dikeluarkan pada 15 Mei 2019. Perjanjian ditandatangani pada 19 Ogos 2019, iaitu berkuat kuasa mulai 14 Mei 2018 hingga 13 November 2020. Status penyiapan projek sehingga 31 Disember 2021 adalah pada tahap 99%. Perincian Projek Pembangunan RKAT di Kem Segamat, Johor adalah seperti dalam **Jadual 7.1**.

JADUAL 7.1
BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN RKAT DI KEM SEGAMAT, JOHOR

BTL.	PERKARA	BUTIRAN PROJEK
1.	No. Kontrak	KP/PEMB/KON(P)41/2017
2.	Kos Projek	RM147.75 juta
3.	Kontraktor	Syarikat 206761-H
4.	Tarikh SST Dikeluarkan	24 April 2018
5.	Tarikh SST Tambahan Dikeluarkan	15 Mei 2019
6.	Tarikh Kontrak Ditandatangani	19 Ogos 2019
7.	Tempoh Siap Asal	14 Mei 2018 - 13 November 2020 (915 hari)
8.	Tempoh Siap Dipinda	14 Mei 2018 - 3 September 2022 (1574 hari)

Sumber: Fail Pelaksanaan Projek Pembangunan RKAT Kem Segamat, Johor

1.3. Unit Perumahan, Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan (MINDEF) ialah urus setia yang bertanggungjawab untuk menyelia projek pembangunan RKAT di kem tentera seluruh Malaysia. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) pula bertanggungjawab sebagai pelaksana projek pembinaan, pembangunan, senggaraan dan pengurus aset tak alih Angkatan Tentera Malaysia manakala MTD merupakan pelanggan projek.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada bayaran Projek Pembangunan RKAT di Kem Segamat, Johor dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta syarat kontrak yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Unit Perumahan, Bahagian Pembangunan dan BPKP MINDEF meliputi pematuhan terhadap pembayaran projek pembangunan RKAT Kem Segamat, Johor bagi tahun 2020 dan 2021.

3.2. Pengauditan meliputi keseluruhan 18 arahan pembayaran bagi tahun 2020 dan 2021 berjumlah RM94.10 juta.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen dan menganalisis data, rekod, syarat kontrak serta dokumen berkaitan bayaran projek. Lawatan fizikal telah dijalankan di tapak projek pembangunan RKAT Kem Segamat, Johor dan temu bual turut dibuat dengan pegawai yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Januari hingga April 2022. Maklum balas daripada MINDEF diterima pada 8 dan 20 Julai serta 22 Ogos 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 10 Ogos 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti di perenggan 4.1.

4.1. Pembayaran Berjumlah RM234,142 dibuat sebelum Kelulusan Arahan Perubahan Kerja

4.1.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 202.2 menetapkan sebelum mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja (APK), pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan kerja berkenaan sangat perlu dan mempunyai peruntukan mencukupi bagi menampung perbelanjaan tambahan dan memastikan kelulusan hendaklah diperoleh terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melulus.

4.1.2. Jadual II di bawah AP 202.2 menetapkan, sekiranya harga asal kontrak melebihi RM10 juta dan jumlah APK tidak melebihi RM1 juta, Pihak Berkuasa

Melulus adalah terdiri daripada Jawatankuasa yang dipengerusi oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan dalam kontrak. Sebaliknya, jika harga asal kontrak melebihi RM20 juta dan jumlah APK yang dicadangkan tidak melebihi RM4 juta, Pihak Berkuasa Melulus ialah Lembaga Perolehan Agensi.

4.1.3. Semakan Audit mendapati kerja bagi APK berjumlah RM3.31 juta telah dimulakan oleh Kontraktor pada 25 Ogos 2021, iaitu **sebelum kelulusan diberikan Pihak Berkuasa Melulus**. Kelulusan APK No. 2 oleh Jawatankuasa Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) BPKP hanya dibuat pada 17 November 2021, manakala kelulusan APK No. 3 oleh Lembaga Perolehan (Kerja) MINDEF pula pada 7 Januari 2022. APK ini melibatkan skop tambahan kerja pelebaran jalan *Acceleration or Deceleration* (AC/DC) bagi Fasa 1 dan 2. Butiran APK No. 2 dan No. 3 adalah seperti dalam **Jadual 7.2**.

JADUAL 7.2
ARAHAN PERUBAHAN KERJA NO. 2 DAN NO. 3
BAGI PROJEK PEMBANGUNAN RKAT KEM SEGAMAT, JOHOR

APK	BUTIRAN	SEBAB	TARIKH KELULUSAN APK OLEH PENGARAH PROJEK	TARIKH MULA KERJA	TARIKH KELULUSAN APK OLEH PIHAK BERKUASA MELULUS	JUMLAH (RM)
No. 2	Pelebaran Jalan AC/DC Fasa 1	Kerja-kerja permulaan	17.02.2021	25.08.2021	17.11.2021	728,227*
No. 3	Pelebaran Jalan AC/DC Fasa 2	Kerja pelebaran jalan bermula			07.01.2022	2,579,422
JUMLAH						3,307,649

Sumber: Fail Pelaksanaan Projek Pembangunan RKAT Kem Segamat, Johor

Nota: *APK No. 2 telah dibuat bayaran berjumlah RM234,142 pada tarikh 5 Oktober 2021

4.1.4. Semakan lanjut mendapati bayaran APK **sejumlah RM234,142 daripada RM3.31 juta telah dibayar** pada 5 Oktober 2021, iaitu sebelum kelulusan Jawatankuasa KPK BPKP pada 17 November 2021. Ini adalah kerana kerja telah dimulakan oleh Kontraktor berdasarkan surat kelulusan secara prinsip bertarikh 17 Februari 2021 yang ditandatangani oleh Pengarah Projek dengan anggaran kos berjumlah RM3.31 juta bagi keseluruhan skop APK. Butiran pembayaran adalah seperti dalam **Jadual 7.3**.

JADUAL 7.3
PEMBAYARAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA
SEBELUM KELULUSAN JAWATANKUASA KPK BPKP MINDEF

BIL.	PERAKUAN INTERIM		ARAHAN PEMBAYARAN		JUMLAH (RM)
	NO.	TARIKH	NO.	TARIKH	
1.	34	13.09.2021	12000935	05.10.2021	234,142

Sumber: General Summary of Workdone Arahan Pembayaran Projek Pembangunan RKAT Kem Segamat, Johor

4.1.5. Lawatan Audit yang dijalankan pada 23 hingga 27 Januari 2022 di tapak projek mendapati pelebaran jalan AC/DC Fasa 1 dan 2 masih dalam pembinaan dan berada pada tahap kemajuan fizikal 56.7%. Tapak kerja pelebaran jalan AC/DC bagi Fasa 1 dan 2 seperti dalam **Gambar 7.1** dan **Gambar 7.2**.

GAMBAR 7.1



Jalan masuk Kem Segamat, Johor
 - Tapak Kerja Pelebaran Jalan AC/DC
 (27.01.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7.2



Jalan masuk Kem Segamat, Johor
 - Tapak Kerja Pelebaran Jalan AC/DC
 (27.01.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas MINDEF yang diterima pada 8 dan 20 Julai 2022

Kelulusan Perubahan Kerja bagi pelebaran jalan AC/DC dipecahkan kepada dua, iaitu:

- a. KPK No. 2 - Kerja awalan merangkumi *site clearance, earthwork & demolition, drainage works* dan *traffic management and control* (Fasa 1). Kos untuk KPK ini adalah RM0.73 juta. Kelulusan diberi dalam Mesyuarat Jawatankuasa KPK BPKP Bil. 3/2021 pada 17 November 2021.
- b. KPK No. 3 - Kerja-kerja pembinaan jalan *Acceleration and Deceleration* (Fasa 2) dengan nilai RM2.58 juta. Kelulusan diberi dalam Lembaga Perolehan (Kerja) Kementerian Pertahanan pada 7 Januari 2022.

Maklum balas MINDEF yang diterima pada 22 Ogos 2022

Pengeluaran APK secara prinsip adalah bagi mengarahkan kontraktor untuk memulakan kerja-kerja awalan APK berkenaan. Proses kerja APK telah dimasukkan di dalam Carta Alir dan Proses Kerja Pengurusan Projek BPKP.

Pernyataan Audit	Bayaran berjumlah RM234,142 adalah tidak teratur kerana dibuat sebelum mendapat kelulusan APK daripada Pihak Berkuasa Melulus MINDEF. Kelulusan APK secara prinsip yang dimasukkan dalam Proses Kerja Pengurusan Projek BPKP adalah bercanggah dengan AP 202.2.
-----------------------------	--

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan, terdapat kelemahan bayaran projek pembangunan RKAT Kem Segamat, Johor. Kerja bagi APK berjumlah RM3.31 juta telah dimulakan sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus dan pembayaran berjumlah RM234,142 dibuat sebelum kelulusan APK.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan terhadap bayaran projek pembangunan RKAT Kem Segamat, Johor, MINDEF disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.1. memastikan APK diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus sebelum kerja dilaksanakan supaya pembayaran dapat dibuat dengan teratur; dan
- 6.2. meningkatkan pemantauan semasa projek sedang dijalankan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.